

RM1 bilion dana biaya urus sisa pepejal

Oleh Shamshul Azree Samshir

PUTRAJAYA: Kerajaan memperuntukkan RM1 bilion bagi menubuh dan membiayai operasi Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan berkenaan di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata peruntukan itu akan diberi sebagai geran pelancaran perbadanan itu yang akan mula beroperasi selepas dua rang undang-undang mengawal selia

operasinya diluluskan Parlimen.

"Ia sama seperti perbadanan lain, mempunyai pengerusi dan lembaga pengarahnya sendiri. Kita sudah meluluskan jumlah pegawai dan kakitangannya," katanya selepas memengerusikan Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-58 di sini, semalam.

Turut hadir pada mesyuarat itu, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Ong Ka Ting.

Antara lain, mesyuarat semalam meluluskan draf Rang Undang-Undang Pengurusan Sisa Pepejal dan

FAKTA NOMBOR

Pengurusan Sisa Pepejal

2

Syarikat konsesi sedia ada

2,000

Jawatan akan diisi di Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal

Pembersihan Awam serta Rang Undang-Undang Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam yang akan dibentangkan di Parlimen pada 2 Julai ini.

Najib berkata, keputusan mesyuarat semalam penting kerana ia akan membuka laluan untuk memberi kuasa eksekutif kepada kerajaan Pusat mengambil alih operasi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Syarikat konsesi pengurusan dan

LIHAT MUKA 2

PBT bantu pemantauan

DARI MUKA 1

pelupusan sisa pepejal sedia ada, Southern Waste Management Sdn Bhd (SWM) dan Alam Flora Sdn Bhd (Alam Flora) memeterai perjanjian konsesi tetap dengan perbadanan itu selepas dua rang undang-undang terbabit diluluskan.

"Ini dijangka membolehkan dua syarikat konsesi itu itu mendapat punca kewangan lebih mantap untuk memberikan khidmat pelupusan dan pengurusan sisa pepejal serta pembersihan awam yang lebih baik kepada pengguna.

"Kita sering terima aduan mengenai khidmat yang kurang berkesan, tetapi ini kerana mereka tidak dapat punca kewangan tetap kerana perjanjian mengenainya belum dapat ditandatangani selagi dua rang undang-undang terbabit

“Sebuah tribunal diwujudkan bagi mendengar kes berkaitan isu seperti pembayaran caj”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

tidak diluluskan," katanya.

Selain menubuhkan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara bagi mengawal selia perkhidmatan itu menerusi Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, kerajaan akan menubuhkan sebuah tribunal bagi mendengar pelbagai kes rayuan yang dikemukakan pengguna.

"Sebuah tribunal akan diwujudkan bagi mendengar kes berkaitan isu seperti pembayaran caj dan sebagainya," katanya.

Najib berkata, mesyuarat semalam juga memutuskan supaya pihak berkuasa tempatan (PBT) akan terus diberikan tugas membantu Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam melakukan gerakan pemantauan dan operasi.

"Jadi, selepas penubuhan perbadanan berkenaan, PBT bukanlah tiada peranan sama sekali," katanya.

Sementara itu, Ong berkata, sebanyak 2,000 jawatan akan diisi di Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam itu dengan ada antara kakitangan PBT akan diserap ke organisasi berkenaan bagi memantapkan operasinya.